

Segala nikmat diperolehi sekarang hasil usaha tokohz

# RAKYAT DIAJAK SUMBANGAN BE

**K**UALA LUMPUR 30 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat mengenang kembali dan menginsafi sumbangan ketiga-tiga bekas Perdana Menteri yang lalu, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Perdana Menteri berharap, generasi muda akan menyedari bahawa apa juga nikmat yang diperolehi sekarang adalah hasil usaha dan pemikiran tokoh-tokoh yang terdahulu itu.

"Ketiga-tiga bekas Perdana Menteri itu adalah negarawan yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi untuk membangunkan negara, mewujudkan keharmonian hidup sebagai satu keluarga yang besar serta menaikkan nama Malaysia di arena antarabangsa," katanya ketika berucap melancarkan setem pos kenang-kenangan bekas-bekas Perdana Menteri di sini hari ini.

LAGIBERITA DAN GAMBAR DIMUKA 2

Beliau berkata, tiada siapa dapat menafikan bahawa asas pendekatan politik Malaysia dicipta dan dibangunkan oleh ketiga-tiga bekas Perdana Menteri Malaysia, terutamanya Almarhum Tunku Abdul Rahman yang digelar Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia.

Katanya, pada hari ini, rakyat boleh berbangga bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berjaya mempraktikkan demokrasi di mana pilhanraya, penukaran kepimpinan dan penukaran kerajaan dapat dilakukan tanpa keganasan atau rusuhan.

Dengan itu, kata beliau, negara bukan sahaja stabil daripada segi politik tetapi dasar-dasar pentadbiran tidak berubah secara radikal dan ini membolehkan ekonomi tumbuh dengan pesat.

**LIHAT MUKA 2**

terdahulu — Dr. M

# INSAFI KAS<sub>2</sub> PM

# RAKYAT DIAJAK INSAFI SUMBANGAN BEKAS<sup>2</sup> PM

31 AUGUST 1971

Dalam ucapannya ketika melancarkan *Buku Daftar Hari Merdeka* di Hotel Hilton di sini malam tadi, Perdana Menteri juga menekankan perlunya generasi muda menghargai semangat dan perjuangan pemimpin serta rakyat yang menuntut kemerdekaan, kerana dengan cara itu mereka akan menjadi masyarakat yang sanggup berkorban.

Pada majlis ini, Dato' Sri Dr. Mahathir mengimbas kembali jasa-jasa serta pengorbanan ketiga-tiga bekas Perdana Menteri itu.

Menurutnya, atas usaha dan keagihan Almarhum Tunku, negara mencapai kemerdekaan tanpa mengalami pertumpahan darah, seperti yang terpaksa dialami oleh banyak tanah jajahan lain.

"Di bawah kepimpinan Almarhum, Malaysia telah ditubuhkan dengan kemasukan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963," kata beliau sambil menambah bahawa Almarhum Tunku telah banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk membangun dan menyatupadukan negara sehingga digelar Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia.

Allahyarham Tun Abdul Razak pula, kata Perdana Menteri, terkenal sebagai seorang negarawan yang mempunyai pandangan jauh serta semangat nasionalisme yang tinggi.

Menurutnya, antara jasa Allahyarham termasuklah membentuk ASEAN, mencipta sistem buku merah untuk membangunkan kawasan di samping menggubal strategi politik yang berkesan sewaktu rusuhan kaum pada tahun 1969 dengan penubuhan Barisan Nasional.

"Memandangkan sumbangan beliau terhadap pembangunan negara adalah besar, Allahyarham digelar Bapa Pembangunan dan sumbangan beliau kepada masyarakat luar bandar dan negara telah mendapat pengiktirafan dari Filipina dengan pengurniaan *Magsaysay Award* dalam tahun 1967," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Allahyarham Tun Hussein pula merupakan seorang tokoh yang berwibawa dan memberi banyak peluang kepada tokoh-tokoh politik muda untuk memegang jawatan penting dalam kabinet.

Antara jasa Allahyarham, katanya, ialah penubuhan Amanah Saham Nasional sebagai usaha untuk mengagihkan kekayaan korporat kepada lebih ramai bumiputera dan menitikberatkan kerukunan hidup dalam masyarakat berbilang kaum sehingga digelar Bapa Perpaduan.

Memandangkan esok adalah hari ulangtahun kemerdekaan negara yang ke-34, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, adalah wajar bagi semua rakyat mengenang kembali jasa yang disumbangkan oleh ketiga-tiga bekas pemimpin negara itu.

"Justeru itu, usaha mengeluarkan setem pos kenang-kenangan ini adalah satu usaha yang te pa dan wajar yang juga membolehkan kita memperkenalkan beka bekas Perdana Menteri kita kepada masyarakat luar negara," tambah beliau.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pengeluaran setem kenang-kenangan ini merupakan pengiktirafan yang kecil jika dibandingkan dengan jasa-jasa yang telah diberikan oleh ketiga-tiga bekas pemimpin itu.